



Maybank
Islamic



Maybank

Kempen Year-End CASA Earmark Maybank

Kempen Year-End CASA Earmark Maybank ("Kempen") dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Syarikat: 196001000142) dan Maybank Islamic Berhad (No. Syarikat: 200701029411) (secara kolektif dirujuk sebagai "**Maybank**") dan tertakluk kepada Terma dan Syarat yang terkandung di sini ("**Terma dan Syarat**").

Dengan menyertai Kempen ini, **Pelanggan Yang Layak** (sebagaimana ditakrifkan dalam Klausula 2 di bawah) dengan ini secara nyata bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Maybank berhubung dengan Kempen ini adalah **muktamad, konklusif dan mengikat**.

1.0 Tempoh Kempen

Kempen ini bermula pada 3 Oktober 2025 dan berakhir pada 31 Disember 2025 (kedua-dua tarikh termasuk), kecuali diberitahu sebaliknya ("**Tempoh Kempen**").

2.0 Kelayakan

2.1 Kempen ini terbuka kepada:

2.1.1 **SEMUA pelanggan individu baharu dan sedia ada Maybank** (sama ada pemegang akaun individu atau akaun bersama) yang membuka atau memegang/mengekalkan MANA-MANA akaun semasa/simpanan/-i atau akaun pelaburan berikut:

Akaun Konvensional	Akaun Islamik
Kawanku Savings Account	Savings Account-i
Golden Savers Savings Account	Golden Savvy Account-i
Maybank2u Savers Account	Maybank2u Savers Account-i
Personal Current Account	Current Account-i
Premier 1 Account	Premier Mudharabah Account-i
Private Banking Account	Private Banking Account-i



yang selepas ini dirujuk sebagai “**Akaun Penyertaan**”.

Maybank dan Maybank Islamic ialah ahli PIDM. Perlindungan PIDM tertakluk pada kriteria yang boleh diinsuranskan. Sila rujuk senarai deposit yang diinsuranskan melalui www.maybank2u.com.my untuk maklumat lanjut.

2.1.2 **Semua pekerja tetap dan kontrak Maybank** (termasuk subsidiarinya) layak untuk menyertai Kempen ini KECUALI pekerja dari jabatan berikut:

- i. Funding and Deposit
- ii. Maybank Islamic Berhad Deposit & Operations
- iii. Maybank Islamic Berhad Investment Account

2.2 Untuk mengelakkan keraguan, individu-individu berikut tidak layak menyertai Kempen ini:

- i. Pelanggan individu Maybank yang mempunyai akaun Maybank yang menyertai dalam status dormant atau telah ditutup.
- ii. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan salah laku, penipuan, perbuatan yang tidak sah atau dalam keadaan ingkar serta melanggar syarat berkaitan akaun mereka, mana-mana kemudahan, dan/atau perkhidmatan yang diberikan oleh Maybank.

Pelanggan yang memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam Klausa 2 di atas akan dirujuk sebagai “**Pelanggan Yang Layak**”.

3.0 Mekanisme dan Syarat Kempen

3.1 Kriteria Wajib

Terdapat tiga (3) kriteria wajib yang mesti dipenuhi oleh Pelanggan Yang Layak untuk melayakkan diri menyertai Kempen ini:



- 3.1.1 Pelanggan Yang Layak **MESTI** menandatangani/melabur dan *earmark fresh funds* minimum sebanyak RM10,000 dan ke atas untuk tempoh 93 hari kalendar (termasuk hujung minggu dan Cuti Umum).
- i. Pelanggan Yang Layak dibenarkan membuat beberapa *earmark* untuk memperoleh lebih banyak penyertaan bagi **Hadiah Kempen (Klausu 4)**.
 - ii. 110 Pelanggan Yang Layak pertama yang memenuhi jumlah deposit/pelaburan RM100,000 atau RM500,000 layak memenangi Ganjaran Terjamin Maybank Islamic Gold Account-i (MIGA-i) bernilai masing-masing RM1,000 dan RM5,000.
 - iii. Pelanggan Yang Layak yang mengeluarkan keseluruhan **jumlah earmark sebelum tarikh akhir earmark selama 93 hari** akan hilang kelayakan daripada **Pemilihan Pemenang (Klausu 4)**.
- 3.1.2 Bagi tujuan Kempen ini, semua deposit/pelaburan *earmark* mestilah dibuat menggunakan "Fresh Funds" (sebagaimana ditakrifkan di bawah):
- "Fresh Funds" bermaksud dana daripada bank lain atau e-wallets yang baru dipindahkan ke dalam akaun pelanggan yang dikekalkan dengan Maybank dalam tempoh 7 hari.
- 3.1.3 Pelanggan Yang Layak MESTI mengekalkan baki minimum hujung bulan (Month End Balance, MEB) sebanyak RM10,000 dalam Akaun Penyertaan mereka pada 31 Disember 2025.

3.2 Earmark (Kriteria Wajib seperti Klausu 3.1.1)

- 3.2.1 Deposit/pelaburan yang di-*earmark* dalam Kempen ini merujuk kepada jumlah deposit/pelaburan yang *earmark* dalam Akaun Pernyataan agi tempoh *earmark* yang diperlukan iaitu 93 hari kalendar (termasuk hujung minggu dan Cuti Umum).
- 3.2.2 Jumlah yang tidak *earmark* kekal sebagai dana cair.
- 3.2.3 Jumlah minimum *earmark* ialah RM10,000.



- 3.2.4 Pelanggan yang layak boleh *earmark*/ buat peletakkan di mana-mana cawangan Maybank atau Digital/Atas Talian/Melalui Talian :

i. **Earmark di Cawangan Fizikal**

Langkah 1 : Kunjungi mana-mana Cawangan Maybank.

Langkah 2 : Maklumkan kepada kakitangan cawangan untuk *earmark* minimum RM10,000 dan ke atas daripada mana-mana Akaun Penyertaan selama 93 hari kalendar (termasuk hujung minggu dan Cuti Umum). Pelanggan yang layak harus mengisi borang "*Acknowledgment Form Maybank YE CASA Earmark Campaign*" di cawangan tersebut.

ii. **Earmark Digital/ Atas Talian**

Langkah 1 : Buat pindahan dalam talian minimum RM10,000 dan ke atas ke dalam Akaun Penyertaan Maybank daripada bank lain atau e-dompet.

Langkah 2 : Pelanggan Yang Layak MESTI memasukkan perkataan "**TIME25**" atau "**Time25**" dalam "**Recipient Reference**" bagi membolehkan Maybank menetapkan *earmark* jumlah tersebut.

Langkah 3 : Maybank kemudiannya akan menetapkan *earmark* jumlah yang dipindahkan selama 93 hari kalendar (termasuk hujung minggu dan Cuti Umum).



Nota:

- i. Dengan memasukkan kata kunci 'TIME25' atau 'Time25' dalam medan Recipient Reference, Pelanggan Yang Layak secara nyata bersetuju dan membenarkan Maybank untuk menetapkan earmark secara digital ke atas jumlah deposit/pelaburan dalam Akaun Penyertaan bagi tujuan Kempen ini. Tindakan ini akan menjadi kebenaran yang sah dan mengikat bagi Maybank untuk earmark jumlah tersebut.
- ii. Maybank akan earmark jumlah pindahan keseluruhan bagi hari tersebut dengan menggunakan kata kunci di atas yang dimasukkan dalam medan "Recipient Reference"

3.3 **Bonus Hujung Tahun**

- 3.3.1 Bonus Hujung Tahun ini hanya layak untuk Pelanggan yang earmark deposit/pelaburan yang baharu antara 1 Disember 2025 hingga 31 Disember 2025 (kedua-dua tarikh termasuk).
- 3.3.2 Jadual di bawah menunjukkan senarai transaksi perbankan layak yang boleh dilakukan oleh Pelanggan Yang Layak untuk memperoleh tawaran dalam Bonus Hujung Tahun:

Transaksi pada bulan Disember 2025	Bonus Hujung Tahun
Jumlah Deposit /Pelaburan "Earmarked" RM100,000-RM499,999.99	24X MIGA-i bernilai RM1,000* *Nota: 1 st come, 1 st serve terhad kepada 24 ganjaran sahaja.
Setiap RM10,000 deposit/pelaburan yang earmark	75X penyertaan
Bagi setiap RM20,000 tambahan baki akhir deposit/pelaburan bulanan pada 31 Disember 2025.* *Nota: 1. Penambahan baki berdasarkan penambahan dari baki akhir deposit/pelaburan bulanan pada 30 November 2025. 2.Baki yang menyumbang kepada tambahan baki akhir deposit/pelaburan bulanan tidak tertakluk untuk earmark.	40X penyertaan



3.4 Penyertaan Kempen

3.4.1 Transaksi deposit/pelaburan yang *earmark* melalui kaunter di mana-mana cawangan Maybank atau secara Digital/atas talian/dalam talian adalah **minimum RM10,000 = 50X penyertaan**.

28 Oktober 2025	Pelanggan A <i>earmark</i> RM10,000, beliau akan menerima 50X penyertaan.
1 November 2025	Pelanggan A <i>earmark</i> RM20,000 lagi, beliau akan menerima 100X penyertaan. Jumlah penyertaan = 50 + 100 = 150 penyertaan.

3.4.2 Kempen “Booster” merujuk kepada senarai transaksi perbankan layak yang boleh dilakukan oleh Pelanggan Yang Layak untuk memperoleh lebih banyak penyertaan bagi **Hadiah Kempen (Klausu 4)**.

Kategori Penyertaan Bonus	Penyertaan Diperoleh
Bagi setiap RM10,000 tambahan baki akhir deposit/pelaburan bulanan yang dicatatkan dalam Tempoh Kempen. Nota: Baki yang menyumbang kepada tambahan baki akhir deposit/pelaburan bulanan tidak tertakluk untuk <i>earmark</i> .	20X
Pembukaan Akaun Penyertaan baharu (individu atau bersama) dengan minimum RM10,000 <i>earmark</i> . Nota: Akaun baharu boleh dibuka melalui cawangan Maybank atau laman web Maybank2u atau aplikasi MAE.	10X
Pelanggan baharu atau sedia ada dengan status aktif dalam program Maybank Work+	
Pelanggan Baharu Maybank Premier/Privilege	
Nota: Penyertaan selepas 3 Oktober 2025	
Penyertaan menggunakan Akaun Maybank Islamic	
Penyertaan dalam Kempen Maybank FD/IFD-i CASA Bundle FY2025	

**Maybank
Islamic****Maybank**

Pelanggan Maybank Premier yang menyertai Kempen Maybank Premier Ultrabooster	
Pelanggan Maybank Privilege yang menyertai Kempen Maybank Privilege Ultrabooster	

3.4.3 Pengiraan "Month End Balance" (MEB) adalah seperti berikut:

MEB = Baki Terkumpul pada 31 Disember 2025 – Baki Terkumpul pada 30 September 2025

3.5 Jumlah Penyertaan Kempen berdasarkan Akaun Penyertaan

3.5.1 Pelanggan Yang Layak dibenarkan menyertai Kempen ini dengan **lebih daripada satu (1) Akaun Penyertaan**.

3.5.2 Jika Akaun Penyertaan adalah daripada jenis produk yang sama, seperti dua (2) Akaun Simpanan Kawanku, jumlah penyertaan Kempen hanya akan berdasarkan akaun dengan baki tertinggi.

3.5.3 Jika Akaun Penyertaan adalah daripada produk berbeza seperti Akaun Simpanan Kawanku dan Akaun Perbankan Persendirian, jumlah penyertaan kempen akan berdasarkan JUMLAH keseluruhan penyertaan daripada SEMUA Akaun Penyertaan.

3.5.4 Walau bagaimanapun, Akaun Islamik CASA/Daily Fund-i hanya boleh digabungkan dengan Akaun Islamik CASA/Daily Fund-i lain dan tidak boleh digabungkan dengan Akaun CASA/Daily Fund Konvensional, dan sebaliknya.



3.6 Scenario Kempen

3.6.1 Jadual di bawah menunjukkan pelbagai senario Kempen untuk pemahaman yang lebih jelas.

Tarikh Mula <i>Earmark</i>	Jumlah Bertanda (termasuk pelbagai <i>earmark</i>)	<i>Earmark</i> untuk 93 hari kalendar	"Month End Balance" pada 31 Disember 2025	Kelayakan	Nota
1 Oktober 2025	RM 10,000	Ya	RM 12,000 (RM 2,000 baki tidak <i>earmark</i>)	Ya	• Peserta memenuhi kriteria wajib Kempen seperti dinyatakan dalam Klausula 3.1. • Jumlah Penyertaan Kempen diperolehi untuk <i>Swiss Luxury Timepieces</i> = 50 penyertaan
30 Oktober 2025	RM 150,000	Ya	RM 200,000 (RM 50,000 baki tidak <i>earmark</i>)	Ya	• Peserta memenuhi kriteria wajib Kempen seperti dalam Klausula 3.1 DAN layak menerima Ganjaran Terjamin MIGA-i bernilai RM1,000. • Jumlah Penyertaan Kempen diperolehi untuk <i>Swiss Luxury Timepieces</i> = 750 penyertaan
1 November 2025	RM 500,000	Ya	RM 600,000 (RM 100,000 baki tidak <i>earmark</i>)	Ya	• Peserta memenuhi kriteria wajib Kempen seperti dalam Klausula 3.1 DAN layak menerima



			earmark)		Ganjaran Terjamin MIGA-i bernilai RM5,000. Jumlah Penyertaan Kempen diperoleh untuk <i>Swiss Luxury Timepieces</i> = 2,500 penyertaan <i>Nota:</i> $RM\ 500,000 / RM\ 10,000 = 50$ kali. <i>Jumlah penyertaan = 50 kali × 50 penyertaan = 2,500 penyertaan</i>
2 November 2025	RM 450,000	Ya	RM 500,000 (RM 50,000 baki tidak earmark)	Ya	- Peserta memenuhi kriteria wajib Kempen seperti dalam Klausa 3.1 DAN layak menerima Ganjaran Terjamin MIGA-i bernilai RM1,000. - Peserta hanya perlu menambah lagi RM50,000 bertanda untuk melayakkan diri menerima Ganjaran Terjamin MIGA-i bernilai RM5,000. - Jumlah Penyertaan Kempen diperoleh untuk <i>Swiss Luxury Timepieces</i> = 2,250 penyertaan <i>Nota:</i> $RM\ 450,000 / RM\ 10,000 = 45$ kali. <i>Jumlah penyertaan = 45 kali × 50 penyertaan = 2,250 penyertaan</i>



29 September 2025	RM 100,000	Ya	RM 180,000 (RM 80,000 baki tidak <i>earmark</i>)	Tidak	Peserta tidak layak untuk kempen ini kerana Tempoh Kempen adalah dari 3 Oktober 2025 hingga 31 Disember 2025.
1 December 2025	RM 5,000	Ya	RM 10,000 (RM 5,000 baki tidak <i>earmark</i>)	Tidak	Peserta tidak memenuhi kriteria wajib Kempen seperti dalam Klausa 3.1.1 mengenai jumlah minimum <i>earmark</i> sebanyak RM10,000 dan ke atas.
29 November 2025	RM 100,000	Tidak, telah dikeluarkan sepenuhny a.	RM 8,000 (RM 100,000 jumlah <i>earmark</i> telah dikeluarkan sepenuhnya)	Tidak	- Peserta tidak memenuhi kriteria wajib Kempen seperti dalam Klausa 3.1.1 (iii) dan 3.1.2 mengenai Baki Akhir Bulan minimum RM10,000 pada 31 Disember 2025. - Peserta tidak dibenarkan untuk mengeluarkan jumlah <i>earmark</i> sepenuhnya kerana ia akan membatalkan kelayakan mereka.
1 November 2025	RM10,000	Ya	RM100,000 (Baki RM90,000 tidak <i>earmark</i>) <i>Earmark</i> Digital: RM10,000 Tambah Nilai: RM90,000 dalam hari	Ya	- Peserta memenuhi kriteria wajib Kempen seperti yang dinyatakan dalam Klausa 3.1 - Jumlah Penyertaan Kempen yang diperoleh untuk Jam Tangan Mewah Switzerland = 230 penyertaan



			yang sama		
1 Disember 2025	RM10,000	Ya	RM50,000 (Baki RM 40,000 tidak earmark) Penambahan baki berbanding dengan September 2025: RM 10,000 Penambahan baki berbanding dengan November 2025: RM 20,000	Ya	Jumlah Penyertaan Kempen diperoleh untuk Swiss Luxury Timepieces = 135 penyertaan Nota: RM10,000 earmarked pada December = 75 penyertaan Penambahan baki berbanding dengan September (clause 3.4.2)= 20 penyertaan Penambahan baki berbanding dengan November (clause 3.4.2)= 40 penyertaan Penambahan baki berbanding dengan November (clause 3.3.2)= 40 penyertaan Jumlah penyertaan = 175 penyertaan

4.0 Hadiah Kempen dan Pemilihan Pemenang

- 4.1 Terdapat jumlah hadiah bernilai RM750,000 yang ditawarkan dalam Kempen ini.
- 4.2 Terdapat 2 Kategori Hadiah seperti dalam jadual di bawah:



Ganjaran MIGA-i Terjamin

- i. Terdapat jumlah Ganjaran Terjamin MIGA-i bernilai RM350,000 sepanjang Tempoh Kempen untuk dimenangi oleh 110 pemenang berdasarkan prinsip **"first come, first served"**.
- ii. Untuk melayakkan diri bagi ganjaran ini, Pelanggan Yang Layak mestilah yang memenuhi jumlah deposit/pelaburan tunggal **earmarked sebanyak RM100,000 atau RM500,000**.
- iii. Pelanggan Yang Layak hanya layak **memenangi sekali (1)** sepanjang Tempoh Kempen.
- iv. 110 Pemenang Ganjaran Terjamin MIGA-i **masih layak memenangi Hadiah Bulanan dan Hadiah Utama Kempen**.

Jumlah Deposit /Pelaburan "Earmarked"	Kategori Ganjaran	Jumlah Pemenang Kempen	Penyertaan untuk cabutan Utama dan Bulanan
RM500,000 & ke atas	MIGA-i bernilai RM5,000	60	2,500X
RM100,000-RM499,999.99	MIGA-i bernilai RM 1,000	50	500X

Swiss Luxury Timepieces

- i. Terdapat sejumlah 7 unit *Swiss Luxury Timepiece* untuk dimenangi oleh 7 pemenang yang akan dipilih menggunakan **program Randomiser Maybank** selepas tamat Tempoh Kempen, berdasarkan jumlah penyertaan Kempen yang diperoleh.
- ii. Pemenang Ganjaran Terjamin MIGA-i masih **layak** memenangi *Swiss Luxury Timepieces* di bawah Hadiah Bulanan dan Hadiah Utama Kempen.
- iii. **Pemenang Hadiah Bulanan adalah unik dan tidak berulang** sepanjang Tempoh Kempen selama 3 bulan.



iv. Pemenang Hadiah Bulanan masih layak memenangi Hadiah Utama Kempen.

Kategori Hadiah	Penerangan Hadiah	Pemenang Bulanan	Jumlah Pemenang Kempen
Hadiah Utama	<i>Swiss Luxury Timepiece</i> bernilai lebih RM200,000	-	1
Hadiah Bulanan	<i>Swiss Luxury Timepiece</i> bernilai RM30,000	2	6
Jumlah Pemenang <i>Swiss Luxury Timepieces</i>			7

5.0 Penebusan Hadiah

- 5.1 Keputusan Maybank berhubung semua perkara berkaitan Kempen adalah **muktamad, konklusif dan mengikat**. Tiada sebarang surat-menyurat, rayuan, bantahan atau cubaan mempertikaikan keputusan akan dilayan.
- 5.2 Semua Hadiah untuk Kempen ini akan diedarkan dalam tempoh tiga (3) bulan **selepas tamat Tempoh Bertanda Kempen pada April 2026**. Pengagihan Hadiah dijangka selesai pada atau sebelum 31 Julai 2026 atau pada tarikh lain yang ditentukan oleh Maybank.
- 5.3 Akaun Penyertaan Pemenang dengan Maybank mestilah aktif sepanjang tempoh penebusan Hadiah Kempen. Hadiah Kempen akan dibatalkan sekiranya akaun ditutup atau tidak aktif.
- 5.4 Menjadi tanggungjawab pemenang untuk memastikan butiran perhubungan yang diberikan dan diselenggara dalam rekod Maybank adalah terkini.
- 5.5 Setelah hadiah diedarkan, Maybank tidak bertanggungjawab terhadap penggunaan Hadiah tersebut.
- 5.6 Maybank berhak menggantikan Hadiah (pada nilai setara yang ditentukan oleh Maybank) atas sebarang sebab yang munasabah.



- 5.7 Maybank akan memaklumkan pemenang melalui Push Notification ("PN"), mel elektronik langsung (eDM) atau melalui sebarang kaedah komunikasi lain seperti Pengumuman Maybank2u berserta nama pemenang dan 4 digit terakhir nombor Akaun Penyertaan yang Maybank anggap sesuai.
- 5.8 Hadiah diberikan atas dasar "*as is*" dan tidak boleh dipindah milik atau ditukar ganti serta tertakluk kepada Terma dan Syarat ini.
- 5.9 Jika pembekal tidak dapat membekalkan model Jam Tangan Mewah Swiss yang sama seperti yang dinyatakan di sini kepada Maybank atas sebarang sebab termasuk, tetapi tidak terhad kepada, panggil balik pengeluaran, kerosakan, force majeure, hilang atau dicuri semasa penyimpanan dan/atau penghantaran, Maybank berhak menggantikannya dengan model lain yang sama atau hampir sama nilainya dengan notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar di laman web Maybank2u <https://www.maybank2u.com.my/> atau mana-mana kaedah lain yang difikirkan sesuai. Namun begitu, Maybank tidak bertanggungjawab menggantikan Jam Tangan Mewah Swiss sekiranya ia rosak atau dicuri selepas dihantar kepada Pemenang.
- 5.10 Penyertaan *Swiss Luxury Timepiece* dalam Kempen ini tidak boleh ditafsirkan sebagai sebarang pengesahan atau cadangan terhadap Jam Tangan Mewah Swiss oleh Maybank. Sebarang pertikaian berhubung kualiti atau jaminan Jam Tangan Mewah Swiss atau Terma dan Syarat berkaitan adalah urusan pemenang terus dengan pembekal tanpa sebarang tuntutan kepada Maybank. Maybank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang pelanggaran kualiti atau jaminan Jam Tangan Mewah Swiss atau Terma dan Syarat berkaitan, serta tidak akan melayan sebarang aduan berhubung perkara tersebut.
- 5.11 Pemenang mungkin dikehendaki menghadiri majlis penyampaian Hadiah dan/atau program publisiti lain, sekiranya diperlukan, dan pemenang dianggap bersetuju terhadap sebarang pendedahan berhubung perkara tersebut mengikut budi bicara Maybank selaras dengan Terma dan Syarat ini. Kegagalan menghadiri majlis penyampaian Hadiah dan/atau program publisiti boleh menyebabkan pembatalan Hadiah.



- 5.12 Pelanggan Yang Layak yang menutup akaun sebelum pemilihan pemenang, pengagihan Hadiah selesai atau dimaklumkan sebagai pemenang (mana-mana yang kemudian) tidak layak menerima sebarang Hadiah di bawah Kempen ini.
- 5.13 Gambar Hadiah yang dipaparkan dalam mana-mana iklan, promosi atau bahan publisiti berkaitan Kempen adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza daripada warna, model atau spesifikasi sebenar Hadiah.
- 5.14 Sebarang pertikaian berhubung kualiti, kebolehdagangan dan/atau jaminan Hadiah (jika berkenaan) hendaklah diselesaikan terus oleh pemenang dengan pembekal tanpa sebarang tuntutan kepada Maybank. Maybank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pelanggaran kualiti atau jaminan Hadiah atau sebarang Terma dan Syarat berkaitan.
- 5.15 Semua Pelanggan Yang Layak bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang cukai, kadar, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka, di bawah undang-undang yang berkuat kuasa, jika ada.
- 5.16 Sekiranya berlaku pertikaian berkaitan pengagihan Hadiah atau ketidakterimaan Hadiah, pemenang dikehendaki menghubungi Khidmat Pelanggan Maybank di 1300 88 6688 untuk membuat pertanyaan selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2026. Tiada permintaan untuk pertanyaan akan dilayan selepas tarikh tersebut.

6.0 Terma dan Syarat Umum

- 6.1 Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.
- 6.2 Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, secara keseluruhannya



atau sebahagian daripadanya, dan berhak untuk mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari ("hari" hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) sebelum tarikh tersebut, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.

- 6.3 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.

- 6.4 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberi kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut Penyata Privasi Maybank yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my ("Maybank Privacy Statement") dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam Maybank Privacy Statement dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

- a) tujuan Kempen; dan
- b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang



diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temubual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen ini.

*Note: "PDPA" refers to Personal Data Protection Act (2010).

- 6.5 Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul dari atau yang berhubung dengan Kempen ini kecuali disebabkan oleh apa-apa kecuai atau pengabaian oleh Maybank.
- 6.6 Maybank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kegagalan melaksanakan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada ketentuan Tuhan, bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank.
- 6.7 Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki cuba mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen ini.
- 6.8 Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88



Maybank
Islamic



Maybank

6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.